



فندفتر فرسانوان نلاپن ملپسيا

PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN MALAYSIA

D/A LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
LEVEL 1, WISMA LKIM, JALAN DESARIA, PULAU MERANTI,
47120 PUCHONG, SELANGOR.
TEL : 03-8064 9000 FAX : 03-8060 2357

BIL. KAMI : LKIM : DF406/11/1 Jld.1 ()

BIL. TUAN :

Kepada : Wakil-wakil Pendaftar
Negeri

Tuan/Puan,

**PERKARA: MENYELIA DAN MEMANTAU KERJA-KERJA
PERAKAUNAN DAN PENUTUPAN AKAUN PNK/PNN
OLEH PENOLONG AKAUNTAN/PEMBANTU AKAUNTAN
PEJABAT LKIM NEGERI SERTA TUGAS-TUGAS NAZIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa watah perlantikan Wakil-Wakil Pendaftar dikeluarkan untuk membolehkan tuan/puan menjalankan kerja-kerja Naziran Pendaftar ke atas Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan (PNK), Persatuan-persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) mengikut kuasa yang diperturunkan oleh saya selaku Penolong Pendaftar di bawah Seksyen 19 dan 25(A) Akta Persatuan Nelayan 1971 dengan teratur tanpa sebarang halangan.

3. Tuan/puan perlu (sekiranya diminta) untuk menunjukkan watah perlantikan Wakil Pendaftar ini kepada Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Persatuan/Pengurus Besar/kakitangan Persatuan semasa perjumpaan awal 'initial conference' di Pejabat-pejabat PNK/PNN sebelum menjalankan kerja-kerja Naziran.

[Sambungan: LKIM : DF406/11/1 Jld.1 ()]

4. Tuan/puan dilarang menggunakan watak perlantikan sebagai Wakil Pendaftar ini bagi apa-apa maksud yang lain. Pendaftar boleh mengenakan tindakan tatatertib terhadap diri tuan/puan mengikut Akta 605, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Tahun 2000 jika berlaku sebarang penyalahgunaan watak ini.

5. Watak ini adalah sah bagi tempoh 1 tahun seperti yang dinyatakan dan akan terhenti sekiranya tuan/puan tidak lagi berkhidmat dengan LKIM/bertukar ke pejabat selain dari negeri asal tuan/puan dilantik.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRONNESAK BINTI OMAR)

Penolong Pendaftar,
Persatuan Nelayan Malaysia

- s.k.
1. Pengarah
Bahagian Kewangan dan Akaun
 2. Pengawai Penyelia PN Negeri